



Agro Biz Awards 2025

TERMA & SYARAT

1. Agriculture Business Awards – **Agro Biz Awards 2025** (“Anugerah”) ini dianjurkan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad (“Agrobank”) (“Penganjur”).
2. Anugerah ini bertujuan untuk **mengiktiraf dan meraikan kecemerlangan** komuniti tani ke arah memperkuuh agenda keterjaminan makanan negara. Anugerah ini berfungsi sebagai platform untuk memperkasa usahawan di dalam memacu inovasi, dan menggalakkan kemampanan, yang secara langsung mengukuhkan ekosistem agromakanan negara.
3. Anugerah ini terbahagi kepada **5 kategori**:
 - (i) Agrobank SME of the Year
 - (ii) Agrobank Biz Women Award
 - (iii) Agrobank Biz Youth Award
 - (iv) Agrobank Biz Innovation Award
 - (v) Agrobank Biz Disability Empowerment Award
4. Anugerah ini bermula dari 21 Mei 2025 sehingga 18 Disember 2025 yang merangkumi fasa-fasa berikut:
 - (i) **Call-for-Submission Campaign:** Sesi penyertaan dan bimbingan khusus untuk para peserta yang menyertai anugerah ini akan dijalankan bermula dari **16 Jun 2025 sehingga 31 July 2025**.
 - (ii) **Sesi Penjurian:** Sesi Penjurian akan berlangsung pada **01 Ogos 2025 sehingga 30 September 2025** menerusi lapan (8) Pejabat Wilayah Negeri Agrobank.
 - (iii) **Sesi Penganugerahan:** Sesi Penganugerahan akan dijalankan pada **18 Disember 2025** bagi memberi pengiktirafan kepada para pemenang yang telah dipilih.
5. Jika terdapat sebarang perubahan pada Anugerah ini, peserta akan dimaklumkan melalui hebahan menerusi emel, laman web serta platform media sosial Agrobank dengan notis sebelum apa-apa perubahan dibuat. Notis bertulis akan diberikan dalam tempoh masa 21 hari. Perubahan ini berdasarkan budi bicara mutlak Agrobank termasuk:
 - (i) menyahlayak mana-mana peserta, menarik balik, memanjangkan atau menamatkan Anugerah ini;



- (ii) melanjutkan tarikh, menukar, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat Anugerah; dan
 - (iii) mengubah suai, menggantung atau sebahagian atau keseluruhan Anugerah ini sekiranya terdapat keperluan.
6. Dengan menyertai Anugerah ini, para peserta bersetuju dan memberi izin untuk:
- (i) terikat dengan Terma dan Syarat;
 - (ii) membenarkan penyertaan untuk dihantar atau dipaparkan pada masa ini atau masa hadapan bagi sebarang tujuan tanpa notis awal di mana-mana platform elektronik dan bukan elektronik Agrobank tanpa sebarang bayaran atau lain – lain bentuk pampasan;
 - (iii) bersetuju bahawa Agrobank berhak menyimpan semua maklumat untuk tujuan simpanan. Penyertaan (termasuk penyertaan bukan pemenang) boleh dipilih untuk dipamerkan atau digunakan untuk mana-mana platform Agrobank, tanpa sebarang notis diberikan kepada peserta;
 - (iv) bersetuju untuk membenarkan Agrobank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan/atau lain-lain maklumat berkaitan pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan. **Peserta perlu menghubungi pihak Agrobank sekiranya ingin menarik balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Peserta dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman sesawang rasmi Agrobank di [www.agrobank.com.my.;](http://www.agrobank.com.my;) dan**
 - (v) Sekiranya peserta melanggar perkara-perkara yang dinyatakan di atas, peserta tersebut akan hilang kelayakan secara automatik.
7. Peserta juga bersetuju tidak melibatkan Agrobank dan kakitangannya daripada sebarang semua kerosakan, kecederaan, tuntutan, punca tindakan, atau kerugian dalam apa juu bentuk yang berpunca daripada penyertaan dalam Anugerah, termasuk pelanggaran hak harta intelek. Agrobank dan kakitangannya tidak bertanggungjawab atau mempunyai liabiliti untuk sebarang kerosakan, kecederaan, tuntutan, punca tindakan dan / atau kerugian yang timbul secara keseluruhan atau sebahagian daripada Anugerah. Setiap peserta bersetuju untuk tidak membawa sebarang tuntutan, tindakan atau prosiding undang-undang terhadap Agrobank atau berkaitan dengan Anugerah ini sama ada dalam kontrak atau sebaliknya.
8. Kandungan penyertaan yang dimuat naik di mana-mana platform media sosial mestilah tidak mengandungi unsur lucah, provokatif, politik, perkauman, keagamaan atau yang menyinggung perasaan mana-mana pihak. Agrobank



berhak menolak sebarang penyertaan yang tidak sesuai dan melanggar Terma dan Syarat Anugerah mengikut budi bicara mutlak Agrobank.

9. Agrobank berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan yang dipercayai bukan laporan asli atau tidak memenuhi Terma dan Syarat Anugerah ini. Jika pemenang hilang kelayakan atau ditentukan untuk tidak layak, pemenang seterusnya akan dipilih menggunakan proses/kriteria penghakiman yang telah ditetapkan.
10. Anugerah ini terbuka kepada semua pihak yang layak dan ia tertakluk kepada proses penilaian komprehensif. Setiap peserta hanya layak memenangi satu (1) hadiah bagi setiap kategori. Walaubagaimanapun, peserta layak memenangi lebih daripada (1) kategori.
11. Sebarang rayuan daripada Peserta dan mana – mana pihak tidak akan dilayan.
12. Penentuan pemenang bagi setiap kategori dinilai mengikut kriteria yang dinyatakan di bawah. Pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah markah tertinggi daripada penilaian juri (90%) dan kandungan video (10%) yang akan dilaksanakan oleh pihak urus setia. Keputusan adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
13. Peserta yang disenarai pendek akan dihubungi menggunakan maklumat terkini yang telah disarankan kepada pihak Bank melalui wakil Pejabat Wilayah Negeri Agrobank dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas tempoh penilaian Anugerah ini. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi dalam tempoh 48 jam selepas percubaan pertama untuk memaklumkannya, Agrobank berhak mengikut budi bicara mutlak untuk menentukan pemenang lain (mengikut kesesuaian). Sebarang rayuan atau surat-menyerat tidak akan dilayan.
14. Hadiah yang dimenangi oleh pemenang tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dari segi spesifikasi hadiah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Pengajur. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti yang telah dimaklumkan kepada Peserta. Walau bagaimanapun, pihak Bank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah yang ditawarkan kepada produk, model, jenama atau spesifikasi yang lain berdasarkan nilai hadiah yang ditawarkan tertakluk kepada makluman awal yang diberikan kepada Peserta melalui saluran komunikasi Agrobank seperti laman sesawang rasmi Agrobank serta maklumat terkini yang lengkap diberikan oleh Peserta.
15. Anugerah ini (termasuk Terma dan Syarat ini) hendaklah ditafsirkan mengikut undang- undang Malaysia, dan sebarang pertikaian hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

BAGAIMANA UNTUK MENYERTAI?

Langkah 1:

Mengisi borang penyertaan dan menyerahkannya kepada mana – mana Cawangan Agrobank yang terdekat. Setiap peserta perlu menyediakan laporan pencapaian merangkumi impak perniagaan mereka terhadap sektor pertanian. Peserta juga perlu menghantar video penyertaan berdurasi maksimum 3 minit sebagai dokumen sokongan untuk penyertaan ini kepada Cawangan Agrobank berhampiran sebelum **tarikh tutup penyertaan pada 31 Julai 2025.**

Langkah 2:

Peserta-peserta terpilih akan dipanggil untuk **sesi temuduga dan pembentangan** bagi memperkuuh penyertaan mereka. Peserta yang disenarai pendek akan dihubungi menggunakan maklumat terkini yang telah diberikan kepada pihak Bank.

Langkah 3:

Siarkan penyertaan anda di mana – mana platform media sosial dengan foto dan kapsyen yang menarik. Sertakan hashtag #agrobizawards2025 dan tag @agrobank. Kapsyen mestilah dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu sahaja. Tertakluk kepada perubahan Terma dan Syarat Anugerah.

HADIAH

Agrobank SME of the Year	* Winner	1	10,000.00
	* Runner-up	1	7,000.00
	* 2nd Runner-up	1	5,000.00
Agrobank Biz Women Award	* Winner	1	6,000.00
	* Runner-up	1	4,000.00
	* 2nd Runner-up	1	2,000.00
Agrobank Biz Youth Award	* Winner	1	6,000.00
	* Runner-up	1	4,000.00
	* 2nd Runner-up	1	2,000.00
Agrobank Biz Innovation Award	* Winner	1	6,000.00
	* Runner-up	1	4,000.00
	* 2nd Runner-up	1	2,000.00
Agrobank Biz Disability Empowerment Award	* Winner	1	6,000.00
	* Runner-up	1	4,000.00
	* 2nd Runner-up	1	2,000.00



Terma & Syarat – Agrobank SME of the Year

- Anugerah ini mengiktiraf perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang cemerlang merangkumi sebarang aktiviti perniagaan di setiap rantaian bekalan makanan bagi memacu kemajuan ekonomi, keselamatan makanan dan kemajuan teknologi dalam industri agromakanan Malaysia.

1. Kelayakan Penyertaan

- Terbuka kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Perniagaan yang dijalankan mestilah mematuhi standard piawaian dan garis panduan syariah yang ditetapkan oleh pihak berautoriti.
- Perniagaan mestilah terlibat dalam rantaian sekuriti makanan.
- Syarikat mestilah beroperasi sekurang-kurangnya 3 tahun dan menunjukkan prestasi kewangan yang stabil.

2. Proses Pencalonan

- Pencalonan boleh dilakukan secara sendiri atau melalui pencalonan pihak ketiga seperti cawangan, persatuan industri atau badan kerajaan.
- Pemohon mesti menghantar **borang pencalonan** serta mengisi laporan menggunakan templat yang telah disediakan dengan menyertakan maklumat perniagaan, penyata kewangan dan dokumen sokongan yang lengkap bagi membuktikan pencapaian perniagaan dalam sektor pertanian.
- Semua permohonan mestilah dihantar sebelum atau pada 31 Julai 2025.

3. Kriteria Penilaian

- **Pengurusan Perniagaan:** Menilai latar belakang syarikat, visi, misi, objektif, pelan perniagaan, kewujudan SOP manual, serta bilangan latihan yang melibatkan pembangunan diri usahawan dan kakitangan.
- **Pengurusan Kewangan:** Menilai aliran tunai, rekod untung rugi, dan perbelanjaan modal bagi menunjukkan tahap kestabilan serta kecekapan kewangan perniagaan.
- **Pertumbuhan Perniagaan & Daya Saing Pasaran:** Peserta perlu mengemukakan data tiga tahun berkaitan kewangan, keuntungan, dan perkembangan pasaran bagi menunjukkan trajektori pertumbuhan perniagaan serta keupayaan bersaing dalam industri.

- **Impak Ekonomi & Sosial:** Sumbangan perniagaan dalam mewujudkan peluang pekerjaan (terutama untuk komuniti luar bandar, wanita dan belia), sokongan kepada petani kecil, penglibatan komuniti, serta peranan dalam menjamin sekuriti makanan negara.
- **Pensijilan, Anugerah dan Pengiktirafan:** Menilai pencapaian peserta melalui pensijilan dan anugerah di peringkat tempatan, kebangsaan atau antarabangsa seperti Malaysia Best, myGAP, myOrganic, MESTI dan lain-lain. Peserta perlu mengemukakan butiran lengkap bagi setiap pengiktirafan yang diterima.
- **Pendigitalan dan Penggunaan Teknologi:** Menilai penggunaan teknologi moden seperti pertanian pintar, AI, automasi, dron, dan pertanian tepat, serta penerapan pemasaran digital, jualan dalam talian, dan e-dagang untuk meningkatkan kecekapan dan capaian pasaran.



Terma & Syarat – Agrobank Biz Women Award

1. Kelayakan Penyertaan

- Mengiktiraf usahawan wanita yang menjadi pelopor dan mentor kepada wanita lain di dalam komuniti tani merangkumi sebarang aktiviti perniagaan di setiap rantaian bekalan makanan.
- Perniagaan mesti **berdaftar secara sah** dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Perniagaan yang dijalankan mestilah mematuhi standard piawaian dan garis panduan syariah yang ditetapkan oleh pihak berautoriti.
- Syarikat mestilah beroperasi sekurang-kurangnya 3 tahun dan menunjukkan prestasi kewangan yang stabil.

2. Proses Pencalonan

- Pencalonan boleh dilakukan secara sendiri atau melalui pencalonan pihak ketiga seperti cawangan, persatuan industri atau badan kerajaan.
- Pemohon mesti menghantar **borang pencalonan** serta mengisi laporan menggunakan templat yang telah disediakan dengan menyertakan maklumat perniagaan, penyata kewangan dan dokumen sokongan yang lengkap bagi membuktikan pencapaian perniagaan dalam sektor pertanian.
- Semua permohonan mestilah dihantar sebelum atau pada 31 Julai 2025.

3. Kriteria Penilaian

- **Pengurusan Perniagaan:** Menilai latar belakang syarikat, visi, misi, objektif, pelan perniagaan, kewujudan SOP manual, serta bilangan latihan yang melibatkan pembangunan diri usahawan dan kakitangan.
- **Pengurusan Kewangan:** Menilai aliran tunai, rekod untung rugi, dan perbelanjaan modal bagi menunjukkan tahap kestabilan serta kecekapan kewangan perniagaan.
- **Pertumbuhan Perniagaan & Daya Saing Pasaran:** Peserta perlu mengemukakan data tiga tahun berkaitan kewangan, keuntungan, dan perkembangan pasaran bagi menunjukkan trajektori pertumbuhan perniagaan serta keupayaan bersaing dalam industri.
- **Impak kepada Komuniti dan Pemeriksaan Wanita:** Menilai peranan perniagaan dalam menjana pekerjaan khususnya untuk komuniti luar bandar, wanita dan belia, penglibatan aktif dengan komuniti, galakan

keusahawanan wanita, serta sumbangan terhadap sekuriti makanan negara.

- **Pensijilan, Anugerah dan Pengiktirafan:** Menilai pencapaian peserta melalui pensijilan dan anugerah di peringkat tempatan, kebangsaan atau antarabangsa seperti Malaysia Best, myGAP, myOrganic, MESTI dan lain-lain. Peserta perlu mengemukakan butiran lengkap bagi setiap pengiktirafan yang diterima.
- **Pendigitalan dan Penggunaan Teknologi:** Menilai penggunaan teknologi moden seperti pertanian pintar, AI, automasi, dron, dan pertanian tepat, serta penerapan pemasaran digital, jualan dalam talian, dan e-dagang untuk meningkatkan kecekapan dan capaian pasaran.



Terma & Syarat – Agrobank Biz Youth Award

Kelayakan Penyertaan

- Terbuka kepada **usahaawan muda** yang berumur antara **18 hingga 40 tahun** di dalam komuniti tani merangkumi sebarang aktiviti perniagaan di setiap rantaian bekalan makanan dalam usaha meningkatkan keterlibatan generasi belia lain.
- Perniagaan mestilah **berdaftar secara sah** dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Perniagaan yang dijalankan mestilah mematuhi standard piawaian dan garis panduan syariah yang ditetapkan oleh pihak berautoriti.
- Syarikat mestilah beroperasi sekurang-kurangnya 3 tahun dan menunjukkan prestasi kewangan yang stabil.

2. Proses Pencalonan

- Pencalonan boleh dilakukan secara sendiri atau melalui pencalonan pihak ketiga seperti cawangan, persatuan industri atau badan kerajaan.
- Pemohon mesti menghantar **borang pencalonan** serta mengisi laporan menggunakan templat yang telah disediakan dengan menyertakan maklumat perniagaan, penyata kewangan dan dokumen sokongan yang lengkap bagi membuktikan pencapaian perniagaan dalam sektor pertanian.
- Semua permohonan mestilah dihantar sebelum atau pada 31 Julai 2025.

3. Kriteria Penilaian

- **Pengurusan Perniagaan:** Menilai latar belakang syarikat, visi, misi, objektif, pelan perniagaan, kewujudan SOP manual, serta bilangan latihan yang melibatkan pembangunan diri usahawan dan kakitangan.
- **Pengurusan Kewangan:** Menilai aliran tunai, rekod untung rugi, dan perbelanjaan modal bagi menunjukkan tahap kestabilan serta kecekapan kewangan perniagaan.
- **Pertumbuhan Perniagaan & Daya Saing Pasaran:** Peserta perlu mengemukakan data tiga tahun berkaitan kewangan, keuntungan, dan perkembangan pasaran bagi menunjukkan trajektori pertumbuhan perniagaan serta keupayaan bersaing dalam industri.
- **Impak Ekonomi & Sosial:** Sumbangan perniagaan dalam mewujudkan peluang pekerjaan (terutama untuk komuniti luar bandar, wanita dan



belia), sokongan kepada petani kecil, penglibatan komuniti, serta peranan dalam menjamin sekuriti makanan negara dan mengurangkan kebergantungan kepada import.

- **Pensijilan, Anugerah dan Pengiktirafan:** Menilai pencapaian peserta melalui pensijilan dan anugerah di peringkat tempatan, kebangsaan atau antarabangsa seperti Malaysia Best, myGAP, myOrganic, MESTI dan lain-lain. Peserta perlu mengemukakan butiran lengkap bagi setiap pengiktirafan yang diterima.



Terma & Syarat – Agrobank Biz Innovation Award

1. Kelayakan Penyertaan

- Terbuka kepada **individu, syarikat, atau organisasi** yang terlibat dalam komuniti tani menunjukkan inovasi luar biasa dalam meningkatkan produktiviti sektor pertanian dan agromakanan.
- Penyertaan dibuka kepada **usahaawan, penyelidik, institusi akademik, serta syarikat startup dan SME** yang telah berjaya membangunkan **atau** menggunakan inovasi dalam industri pertanian. Perniagaan yang dijalankan mestilah mematuhi standard piawaian dan garis panduan syariah yang ditetapkan oleh pihak berautoriti.
- Syarikat mestilah beroperasi sekurang-kurangnya 3 tahun dan menunjukkan prestasi kewangan yang stabil.

2. Proses Pencalonan

- Pencalonan boleh dilakukan secara sendiri atau melalui pencalonan pihak ketiga seperti cawangan, persatuan industri atau badan kerajaan.
- Pemohon mesti menghantar **borang pencalonan** serta mengisi laporan menggunakan templat yang telah disediakan dengan menyertakan maklumat perniagaan, penyata kewangan dan dokumen sokongan yang lengkap bagi membuktikan pencapaian perniagaan dalam sektor pertanian.
- Semua permohonan mestilah dihantar sebelum atau pada 31 Julai 2025.

3. Kriteria Penilaian

- **Pengurusan Perniagaan:** Menilai latar belakang syarikat, visi, misi, objektif, pelan perniagaan, kewujudan SOP manual, serta bilangan latihan yang melibatkan pembangunan diri usahawan dan kakitangan.
- **Pengurusan Kewangan:** Menilai aliran tunai, rekod untung rugi, dan perbelanjaan modal bagi menunjukkan tahap kestabilan serta kecekapan kewangan perniagaan.
- **Pertumbuhan Perniagaan & Daya Saing Pasaran:** Peserta perlu mengemukakan data tiga tahun berkaitan kewangan, keuntungan, dan perkembangan pasaran bagi menunjukkan trajektori pertumbuhan perniagaan serta keupayaan bersaing dalam industri.



- **Impak Ekonomi & Sosial:** Sumbangan perniagaan dalam mewujudkan peluang pekerjaan (terutama untuk komuniti luar bandar, wanita dan belia), sokongan kepada petani kecil, penglibatan komuniti, serta peranan dalam menjamin sekuriti makanan negara.
- **Pensijilan, Anugerah dan Pengiktirafan:** Menilai pencapaian peserta melalui pensijilan dan anugerah di peringkat tempatan, kebangsaan atau antarabangsa seperti Malaysia Best, myGAP, myOrganic, MESTI dan lain-lain. Peserta perlu mengemukakan butiran lengkap bagi setiap pengiktirafan yang diterima.



Terma & Syarat – Agrobank Biz Disability Empowerment Award

1. Kelayakan Penyertaan

- Terbuka kepada **usahaawan Orang Kelainan Upaya (OKU)** di dalam komuniti tani merangkumi sebarang aktiviti perniagaan di setiap rantai bekalan makanan.
- Pemohon mestilah **berdaftar sebagai OKU** dengan **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** dan mempunyai Kad OKU yang sah.
- Perniagaan mestilah **berdaftar secara sah** dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Perniagaan yang dijalankan mestilah mematuhi standard piawaian dan garis panduan syariah yang ditetapkan oleh pihak berautoriti.
- Syarikat mestilah beroperasi sekurang-kurangnya 3 tahun dan menunjukkan prestasi kewangan yang stabil.

2. Proses Pencalonan

- Pencalonan boleh dilakukan secara sendiri atau melalui pencalonan pihak ketiga seperti cawangan, persatuan industri atau badan kerajaan.
- Pemohon mesti menghantar **borang pencalonan** serta mengisi laporan menggunakan templat yang telah disediakan dengan menyertakan maklumat perniagaan, penyata kewangan dan dokumen sokongan yang lengkap bagi membuktikan pencapaian perniagaan dalam sektor pertanian.
- Semua permohonan mestilah dihantar sebelum atau pada 31 Julai 2025.

3. Kriteria Penilaian

- **Pengurusan Perniagaan:** Menilai latar belakang syarikat, visi, misi, objektif, pelan perniagaan, kewujudan SOP manual, serta bilangan latihan yang melibatkan pembangunan diri usahawan dan kakitangan.
- **Pengurusan Kewangan:** Menilai aliran tunai, rekod untung rugi, dan perbelanjaan modal bagi menunjukkan tahap kestabilan serta kecekapan kewangan perniagaan.
- **Pertumbuhan Perniagaan & Daya Saing Pasaran:** Peserta perlu mengemukakan data tiga tahun berkaitan kewangan, keuntungan, dan perkembangan pasaran bagi menunjukkan trajektori pertumbuhan perniagaan serta keupayaan bersaing dalam industri.



- **Impak Ekonomi & Sosial:** Sumbangan perniagaan dalam mewujudkan peluang pekerjaan (terutama untuk komuniti luar bandar, wanita dan belia), sokongan kepada petani kecil, penglibatan komuniti, serta peranan dalam menjamin sekuriti makanan negara.
- **Pensijilan, Anugerah dan Pengiktirafan:** Menilai pencapaian peserta melalui pensijilan dan anugerah di peringkat tempatan, kebangsaan atau antarabangsa seperti Malaysia Best, myGAP, myOrganic, MESTI dan lain-lain. Peserta perlu mengemukakan butiran lengkap bagi setiap pengiktirafan yang diterima.